


Samer Khan didakwa guna ilmu pengasih Pakistan bawa lari Nurul Zakiah Pikat anak dara secara 'halus'

kosmo 23/2/12 MS 6.



SAMER KHAN

Oleh RASMI ABDULLAH
berita@kosmo.com.my

KUALA LANGAT - Nurul Zakiah Hidayah Azman yang lari dari rumah selepas termakan pujukan kekasihnya sejak 14 Februari lalu dikatakan telah terkena ilmu pengasih lelaki Pakistan tersebut hingga menyebabkan dia mula berbohong dan melawan cakap orang tua.

Andaian tersebut dibuat selepas perangai pelajar tingkatan lima Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Banting di sini itu berubah dalam sekelip mata sejak berkenalan dan bercinta dengan lelaki dikenali sebagai Samer Khan atau nama sebenarnya, Arsad Mohd., 20-an.

Samer Khan memiliki wajah kakak ala pelakon Bollywood dan berbadan sasa ala ahli gusti.

Ibu saudara Nurul Zakiah, Norlaila Saad, 43, berkata, sebelum mengenali lelaki itu, gadis tersebut seorang yang jujur dan mu-



NORLAILA



KERATAN muka depan *Kosmo!* semalam.

dah menerima nasihat.

Katanya, antara perubahan sikap yang paling ketara ialah Nurul Zakiah akan mula gelisah dan tidak tentu arah jika tidak dapat bertemu dengan pujaan hatinya itu dalam tempoh 48 jam.

"Bimbang dengan kelakuannya itu, saya telah memberitahu bapanya, Azman Saad yang dia disyaki telah terkena sihir namun kami tidak sempat berbuat apa-apa kerana dia telah melarikan diri terlebih dahulu.

"Saya sudah anggap dia seperti anak sendiri. Sejak kehilangannya, kami telah

dai menjual barangan makanan di Pekan Banting di sini hujung bulan lalu.

Kehilangan gadis itu disedari selepas mangsa tidak pulang ke rumahnya di Jalan Masjid, Kancong Darat di sini setelah tamat waktu belajar.

Nurul Zakiah tinggal dengan Norlaila sejak kematian ibunya 12 tahun lalu.

Menurut Norlaila, selain itu, mereka sekeluarga juga telah berjumpa ramai ustaz dan rata-rata mereka ber-

pendapat gadis tersebut telah terkena ilmu pengasih.

"Saya yakin Nurul Zakiah masih ada di dalam negara ini kerana tadi (semalam) saya dapat panggilan daripada seorang lelaki yang mendakwa dia terserempak dengan dia bersama seorang lelaki di selatan tanah air," katanya lagi.

Bagaimanapun tambah Norlaila, pemanggil itu lupa lokasi sebenar dia menemui pasangan itu dan akan menghubunginya semula jika terserempak buat kali kedua.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintendent Nordin Manan berkata, pihaknya masih menjalankan siasatan kes terbabit.

Orang ramai yang ternampak Nurul Zakiah diminta menghubungi Azman di talian **019-2959178** atau **012-9121072**.



membuat pelbagai usaha untuk mencarinya termasuk membaca Yasin dan solat hajat tetapi nampaknya doa kami belum dimakbulkan," ceritanya ketika ditemui di sini semalam.

Semalam *Kosmo!* melaporkan, ahli keluarga Nurul Zakiah, 17, merayu supaya gadis berkenaan pulang selepas dia disyaki lari dari rumah kerana mengikut Samer apabila cinta mereka mendapat tentangan.

Kedua-duanya berkenalan ketika Nurul Zakiah bekerja sambilan di sebuah pasar raya yang terletak berdekatan dengan tempat kerja Samer di sebuah ke-



SAMER KHAN dikatakan bekerja di kedai yang terletak di pekan Banting, Selangor ini sebelum tidak hadir bekerja sejak 14 Februari lalu.